

Oleh Dr Mohd Roslan Rosnon

Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT)



COVID-19: Jangan cetuskan Xenophobia

Jangan takut perbezaan, belajar terima persamaan

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula 18 Mac lalu sehingga kini, iaitu pada pertengahan semester pengajian berjalan sudah pasti memberikan pelbagai reaksi kepada pelajar dan seluruh warga institusi pendidikan tinggi (IPT).

Sepanjang PKP ini dilaksanakan berikutan penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia, pelajar termasuk pelajar antarabangsa yang masih berada di kampus perlu kekal berada dalam kampus.

Pada peringkat awal pelaksanaan PKP, pelajar tidak dibenarkan pulang ke kampung halaman atau negara asal mereka. Setiap universiti perlu bertanggungjawab terhadap keperluan asas, keselamatan dan kebajikan pelajar sepanjang keberadaan mereka di kampus termasuk pelajar antarabangsa.

Kita berjaya mengurus pelajar antarabangsa dengan baik dan berhemah. Malah, tidak kedengaran berlaku kekecohan menghalang atau mencederakan pelajar antarabangsa disebabkan oleh pemikiran dan perlakuan *Xenophobia*.

Xenophobia adalah ketakutan dan kebencian melampau terhadap warga asing atau orang

yang tidak dikenali atau sesuatu yang aneh atau asing. Sifat rasis mempunyai beberapa makna yang sedikit lebih luas, termasuk kepercayaan bahawa bangsa adalah penentu utama sifat dan kemampuan seseorang.

Rasis umumnya adalah persepsi dan tindakan yang meniadakan hak bangsa atau kumpulan lain untuk mendapatkan perkhidmatan, peluang atau layanan disebabkan mereka tidak sealiran dengan kumpulan yang memberi sama ada dalam aspek keturunan, bangsa, agama dan budaya.

Harus diingatkan bahawa makna kedua-dua perkataan itu cukup berbeza bahawa seseorang (atau benda, dasar) dapat dengan mudah bersikap rasis dan *Xenophobia*.

Di universiti awam (UA) tempatan, kita tidak mendengar adanya isu *Xenophobia* ini terhadap pelajar antarabangsa. Ia berbeza dengan apa yang berlaku di kebanyakan negara Barat dan Australia. Seperti yang dilaporkan oleh *Times Higher Education* (THE), seorang pelajar yang berasal dari Singapura sedang berjalan di London baru-baru ini, dan beliau mendengar seseorang berteriak: "Coronavirus!". Beliau kemudian diserang dengan kejam.

Selain itu, seorang pelajar yang berasal dari China dan pelajar di Glasgow diserang dan pelaku mengoyakkan pakaian pelajar terbahit. Di Belanda, ada asrama pelajar

diconteng dengan kata-kata kebencian, dan pelajar daripada China mengalami kecederaan. Di Australia dan Amerika Syarikat, ada kes apabila pelajar daripada Asia menghadapi masalah pengusiran tempat tinggal dan sebagainya.

Kita bersyukur kerana kes seumpamanya tidak berlaku di UA tempatan. Jika ia berlaku, universiti perlu mengutuk dan menghukum sebarang tingkah laku *Xenophobia*. Universiti perlu mengambil langkah secara berhati-hati supaya ia tidak mengundang salah faham.

Sebagai contoh, saringan kesihatan dan juga *self-quarantine* kepada pelajar antarabangsa sebelum memulakan kuliah adalah tindakan *preventive* untuk mengawal penularan wabak COVID-19 bukannya tindakan diskriminasi kepada mereka. Justeru, sebarang maklumat yang tepat dan sahih perlu melalui satu saluran maklumat daripada pihak universiti.

Hal ini adalah penting bagi membendung salah tafsir dan berita tidak benar yang boleh tular dan menjejaskan imej dan keharmonian universiti. Selain itu, universiti boleh mewujudkan persekitaran yang kondusif dan menggalakkan interaksi antara pelajar tempatan dan antarabangsa selain menyediakan program yang membantu pelajar menghadapi kesan psikologi serangan terhadap kaum dan bangsa.

Pendekatan ini secara tidak langsung dapat membina pengetahuan



***Xenophobia* adalah ketakutan dan kebencian melampau terhadap warga asing atau orang yang tidak dikenali atau sesuatu yang aneh atau asing. Sifat rasis mempunyai beberapa makna, termasuk kepercayaan bahawa bangsa adalah penentu utama sifat dan kemampuan seseorang.**

dan merancang langkah yang berkesan untuk melawan *Xenophobia*.

Warga UA adalah warga yang berilmu dan berbudaya unggul. Mereka boleh membezakan antara fakta dan emosi. Sebagai contoh, COVID-19 yang bermula dikesan

pada pertengahan Disember 2019 di bandar raya Wuhan, Hubei China. Ini adalah fakta. Namun, kita berjaya mengawal emosi dan perasaan kita agar tidak bersikap prejudis, diskriminasi dan rasis sehingga membawa kepada *Xenophobia* dalam kalangan pelajar dari China di UA.

Hakikatnya, kita tetap melayan pelajar antarabangsa sebagai insan secara semula jadi sehingga tidak membawa kepada ketakutan dan panik dalam setiap warga kampus. Natijahnya, kita boleh menghalang perilaku yang tidak rasional dan menyalahi undang-undang.

Kita mempunyai tanggungjawab besar sebagai ahli akademik untuk menggunakan kepakaran sedia ada menyerlahkan penyampaian maklumat secara tepat dan benar menggunakan saluran yang betul. Jika tidak, ia akan membawa kepada salah faham dan kita mungkin akan mengalami isu sosial seperti pengasingan sosial, diskriminasi kaum dan ekualiti.

Xenophobia adalah bukan tindak balas 'normal' terhadap wabak COVID-19. Jangan takut perbezaan, tetapi belajarliah menerima persamaan.

* Penulis juga ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM). Bidang kepakaran beliau adalah Antropologi dan Sosiologi.